



# MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

## JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN, ARAHAN, AMARAN, DAN PERINGATAN KEPADA CALON

## PEPERIKSAAN SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

### SEMESTER 1 TAHUN 2021

#### ARAHAN AM

- Waktu peperiksaan adalah berbeza-beza mengikut kertas. Calon dikehendaki menyemak waktu peperiksaan sebenar bagi setiap kertas mengikut semester.
- Masa yang dibenarkan bagi sesuatu kertas adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam petak bersetentangan dengan nama kertas berkenaan. **MASA TAMBAHAN TIDAK DIBENARKAN**. Masa untuk membaca soalan adalah termasuk dalam masa yang dinyatakan bagi kertas berkenaan.
- Calon dikehendaki membaca **ARAHAN, AMARAN, dan PERINGATAN** yang diberikan dalam Jadual Waktu peperiksaan ini.
- Calon **tidak** dibenarkan membawa Jadual Waktu Peperiksaan, Arahan, Amaran, dan Peringatan Kepada Calon ini ke dalam dewan/bilik peperiksaan.
- Calon **dilarang** membawa masuk sebarang peranti yang **tidak dibenarkan** semasa menduduki peperiksaan.
- Calon **dilarang** membawa masuk beg tangan ke dalam bilik/dewan peperiksaan.
- Calon yang mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dinasihati supaya berpakaian kemas dan sesuai, dan sentiasa mengikut tatatertib di dalam dewan/bilik peperiksaan.
- Calon **tidak** dibenarkan keluar dalam tempoh 30 minit selepas peperiksaan bermula dan dalam tempoh 30 minit sebelum peperiksaan tamat.

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS  
SEMESTER 1 SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM) 2021**

TARIKH	SIDANG	CALON PERLU BERADA DI DEWAN/BILIK PEPERIKSAAN	WAKTU PEPERIKSAAN	MASA	KOD KERTAS	NAMA KERTAS
18 November 2020 (Rabu)	SIDANG 1	7:45 pagi	8:00 pagi – 10:00 pagi	2 jam	911/1	Bahasa Cina 1
			8:00 pagi – 10:00 pagi	2 jam	912/1	Bahasa Tamil 1
			8:00 pagi – 10:00 pagi	2 jam	931/1	Usuluddin 1
	SIDANG 2	10:45 pagi	11:00 pagi – 1:00 petang	2 jam	948/1	Perakaunan 1
			11:00 pagi – 12:30 tengah hari	1½ jam	966/1	Sains Sukan 1
	SIDANG 3	2:15 petang	2:30 petang – 4:30 petang	2 jam	942/1	Geografi 1
2:30 petang – 4:00 petang			1½ jam	960/1	Physics 1	
19 November 2020 (Khamis)	SIDANG 1	7:45 pagi	8:00 pagi – 10:00 pagi	2 jam	900/1	Syariah 1
	SIDANG 2	10:45 pagi	11:00 pagi – 1:00 petang	2 jam	930/1	Pengajian Am 1
	SIDANG 3	2:15 petang	2:30 petang – 4:30 petang	2 jam	922/1	Kesusasteraan Melayu Komunikatif 1
			2:30 petang – 4:00 petang	1½ jam	950/1	Mathematics (M) 1
			2:30 petang – 4:00 petang	1½ jam	954/1	Mathematics (T) 1
23 November 2020 (Isnin)	SIDANG 1	7:45 pagi	8:00 pagi – 9:45 pagi	1¼ jam	946/1	Pengajian Perniagaan 1
	SIDANG 2	10:45 pagi	11:00 pagi – 1:00 petang	2 jam	910/1	Bahasa Melayu 1
			11:00 pagi – 12:30 tengah hari	1½ jam	964/1	Biology 1
	SIDANG 3	2:15 petang	2:30 petang – 4:30 petang	2 jam	913/1	Bahasa Arab 1
			2:30 petang – 4:30 petang	2 jam	920/1	Literature in English 1
			2:30 petang – 4:00 petang	1½ jam	958/1	Information and Communications Technology 1
24 November 2020 (Selasa)	SIDANG 1	7:45 pagi	8:00 pagi – 10:00 pagi	2 jam	944/1	Ekonomi 1
	SIDANG 2	10:45 pagi	11:00 pagi – 1:00 petang	2 jam	940/1	Sejarah 1
			11:00 pagi – 12:30 tengah hari	1½ jam	962/1	Chemistry 1
	SIDANG 3	2:15 petang	2:30 petang – 4:30 petang	2 jam	970/1	Seni Visual 1
			2:30 petang – 5:00 petang	2½ jam	932/1	Tahfiz Al-Quran 1

## Catatan:

1. Garis tegak **I** di sebelah nama kertas menunjukkan calon **tidak** boleh mengambil lebih daripada satu kertas dalam kumpulan kertas yang berkenaan.
2. Bagi mata pelajaran *Mathematics (M)*, *Mathematics (T)*, *Information and Communications Technology*, *Physics*, *Chemistry*, dan *Biology*, kertas soalan adalah dalam dwibahasa, iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Calon dibenarkan menulis jawapan dalam bahasa Inggeris atau/dan bahasa Melayu.

## ARAHAN

1. Calon hendaklah berada di tempat duduk di dalam dewan/bilik peperiksaan **lima belas minit sebelum peperiksaan bermula** bagi tiap-tiap kertas.
2. Calon dikehendaki:
  - (a) Meletakkan **kad pengenalan** calon di atas meja sepanjang masa peperiksaan dijalankan. Calon mungkin **tidak** dibenarkan mengambil peperiksaan sekiranya calon **tidak** membawa dokumen ini (bagi calon sekolah)
  - (b) Meletakkan **kad pengenalan** dan **Laporan Pendaftaran Kemasukan Calon (LPKC)** calon di atas meja sepanjang masa peperiksaan dijalankan. Calon mungkin **tidak** dibenarkan mengambil peperiksaan sekiranya calon **tidak** membawa kedua-dua dokumen ini. Calon hendaklah mencetak LPKC masing-masing **mengikut penggal peperiksaan tahun semasa** daripada portal Majlis Peperiksaan Malaysia [www.mpm.edu.my](http://www.mpm.edu.my) (bagi calon sekolah swasta dan calon persendirian individu sahaja).
3. Calon hendaklah memberitahu Pengawas dengan **serta-merta** jika
  - (a) calon diberi kertas soalan bagi sesuatu kertas yang **tidak** calon ambil, atau
  - (b) calon diberi kertas soalan yang lain daripada yang dijadualkan bagi waktu peperiksaan berkenaan.
4. Calon hendaklah menulis nombor kad pengenalan, angka giliran, kod dan nama kertas, semester/ulangan dan tahun peperiksaan dengan jelas dalam ruang yang disediakan pada helaian pertama dan pada helaian-helaian yang berikutnya dalam kertas jawapan calon.
5. Calon hendaklah menulis jawapan dengan menggunakan pena mata bola berdakwat **hitam** atau **biru** pada kedua-dua belah halaman kertas jawapan **melainkan** jika terdapat arahan pada kertas soalan yang melarang calon berbuat demikian. Pensel berwarna atau pena mata bola berwarna lain hanya boleh digunakan untuk melukis gambar rajah dan peta sahaja.
6. Calon hanya boleh menggunakan pensel **2B** sahaja untuk menjawab soalan jenis aneka pilihan.
7. Calon hendaklah membawa alat matematik dan alat lukisan sendiri bagi mata pelajaran yang memerlukannya.
8. Apabila calon diarahkan berhenti menulis, susun dan ikat semua kertas jawapan dengan kemas mengikut tertib **KEUTAMAAN**. Calon hendaklah duduk di tempat calon sehingga dibenarkan keluar oleh Ketua Pengawas.
9. Sila ambil **perhatian** bahawa:
  - (a) Calon mesti menjawab jawapan bertulis menggunakan kertas tulis (MPM/P1.2) yang dibekalkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia. Calon **tidak dibenarkan** melipat kertas tulis yang dibekalkan untuk mengelakkan calon daripada disyaki membawa masuk kertas tulis. Jika calon menerima kertas tulis yang mempunyai kesan lipatan, serahkan kertas itu semula kepada Pengawas.
  - (b) Calon **tidak dibenarkan** membawa kertas tulis keluar dari dewan/bilik peperiksaan, sama ada kertas yang telah digunakan atau yang belum digunakan.
  - (c) Calon sama sekali **tidak dibenarkan** merokok di dalam dewan/bilik peperiksaan.
10. Maklumat tentang *Sifir Matematik Permulaan Cambridge*, *Tatatanda*, *Takrif*, dan *Rumus Matematik (Mathematical Notation, Definitions, and Formulae)*, dan *Buku Data (Data Booklet)*, telah dimasukkan dalam kertas soalan yang berkaitan.
11. Kalkulator elektronik yang senyap dan **tidak boleh diprogram** sahaja yang boleh digunakan dalam peperiksaan STPM **kecuali** soalan tertentu yang tidak membenarkan penggunaannya. Walau bagaimanapun, Pengawas pusat

peperiksaan **tidak** bertanggungjawab untuk menyediakan punca kuasa bagi kalkulator. Bahan lain yang berkaitan dengan kalkulator tersebut, seperti katalog kalkulator atau manual penggunaan kalkulator, **tidak dibenarkan** dibawa masuk ke dalam dewan/bilik peperiksaan.

12. Alat seperti telefon bimbit, kamera, radio, perakam suara, dan apa-apa peranti elektronik berkeupayaan *bluetooth/wifi* **tidak** boleh dibawa masuk ke dalam dewan/bilik peperiksaan **kecuali** yang dibenarkan oleh Ketua Pengawas (untuk calon istimewa yang memerlukan keperluan khas).
13. Jika calon terlibat dengan **pertembungan** jadual waktu bagi mana-mana kertas pada sesuatu masa, sila dapatkan keterangan lanjut daripada Ketua Pengawas di pusat peperiksaan yang berkaitan. Calon akan diberitahu waktu peperiksaan bagi kertas yang bertembung itu.

## AMARAN

### Calon diberi amaran supaya:

- (a) **Jangan** membawa atau menerima apa-apa buku, nota, kertas dokumen, gambar, atau apa-apa peranti lain daripada sesiapa sahaja **kecuali** apa yang dibenarkan oleh Ketua Pengawas peperiksaan;
- (b) **Jangan** berhubung dengan mana-mana calon lain atau mana-mana orang semasa peperiksaan berlangsung, walau dengan apa cara sekalipun, **kecuali** dengan kebenaran Ketua Pengawas;
- (c) **Jangan** melanggar atau tidak mematuhi apa-apa arahan Majlis Peperiksaan Malaysia, Ketua Pengawas atau Pengawas;
- (d) **Jangan** mengganggu ketenteraman atau melakukan kekacauan di dalam atau di sekitar dewan/bilik peperiksaan;
- (e) **Jangan** bersubahat dengan orang lain dengan tujuan untuk menipu;
- (f) **Jangan** mewakilkan orang lain menduduki peperiksaan untuk diri calon;
- (g) **Jangan** menipu atau cuba menipu, atau berkelakuan dengan cara yang boleh dianggap sebagai menipu, atau cuba menipu untuk tujuan peperiksaan ini.

**PERHATIAN:** Jika calon melanggar mana-mana Amaran di atas sama ada dengan cara disedari atau tidak disedari, maka calon diingatkan bahawa calon akan didakwa di bawah Kaedah 3 dan Kaedah 4, Akta 225 Majlis Peperiksaan Malaysia 1980, Kaedah Majlis Peperiksaan Malaysia (Tatacara dalam Kes Salah Laku, 1986).

## PERINGATAN

1. Angka giliran dan pusat peperiksaan bertulis calon adalah seperti yang tercatat dalam **LPKC**.
2. Calon yang telah diluluskan perpindahan pusat peperiksaannya dan diberi **LPKC** yang baharu mestilah mengambil peperiksaan tersebut di pusat yang baharu dengan menggunakan nombor pusat dan angka giliran seperti yang tercatat dalam **LPKC** yang baharu.
3. Calon yang memohon perpindahan pusat peperiksaan tetapi maklumat dalam **LPKC** belum dikemaskinikan di portal Majlis Peperiksaan Malaysia hendaklah menghubungi Sektor Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing atau Bahagian Pengendalian STPM dan MUET, Majlis Peperiksaan Malaysia di talian **03-61261600 tidak lewat dari 16 Oktober 2020**.

### MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang  
68100 BATU CAVES  
Selangor Darul Ehsan